



**SURAT KELILING JABATAN PERDANA MENTERI BIL: 6 /2002**  
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PENUBUHAN JABATAN KEHAKIMAN NEGARA**

Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, maka adalah dengan ini dimaklumkan bahawa Baginda telah memperkenankan bagi penubuhan Jabatan Kehakiman Negara.

2. Jabatan Kehakiman Negara akan bertanggungjawab bagi hal ehwal pentadbiran serta pengurusan perkhidmatan sokongan, peruntukan dan hal ehwal kewangan kedua-dua Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil. Dengan penubuhan Jabatan Kehakiman Negara ini, Mahkamah-Mahkamah Sivil dan Mahkamah-Mahkamah Syariah akan terus mengekalkan prosedur dan prinsip kehakiman masing-masing sebagaimana yang tertulis dalam Akta-Akta dan Peraturan-Peraturan yang diperuntukkan kecuali hal-hal yang berhubung dengan pentadbiran dan kewangan dikendalikan oleh Jabatan Kehakiman Negara.

3. Jabatan Kehakiman Negara akan ditempatkan di bawah Jabatan Perdana Menteri sebagai sebuah jabatan penuh dengan diketuai oleh seorang Pengarah.

4. Penubuhan Jabatan Kehakiman Negara berkuatkuasa mulai 18 Safar 1423 bersamaan 1 Mei 2002 sementara peralihan pentadbiran kedua-dua mahkamah-mahkamah kepada Jabatan ini akan berkuatkuasa mulai 20 Rabiulakhir 1423 bersamaan 1 Julai 2002.

Sekianlah sahaja yang dapat dimaklumkan pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

  
[ DATO PADUKA HAJI HAZAIR BIN HAJI ABDULLAH ]  
Setiausaha Tetap

Jabatan Perdana Menteri  
Istana Nurui Iman  
Bandar Seri Begawan, BA 1000  
Negara Brunei Darussalam

Rujukan: ( 6 )JPM/SK/2002

Tarikh: 28 Mei 2002  
15 Rabiulawal 1423